

13 NOV 2000

Sukan-Hishammuddin (Jawatan)

SAYA TAK AKAN LETAK JAWATAN, KATA HISHAMMUDDIN

SEPANG, 13 Nov (Bernama) -- Menteri Belia dan Sukan Datuk Hishammuddin Hussein berkata beliau tidak akan tunduk kepada desakan parti pembangkang untuk meletak jawatan berikutan kegagalan Kuala Lumpur mendapatkan hak menjadi tuan rumah Sukan Asia 2006.

Bagaimanapun katanya beliau sedia berbuat demikian jika diminta oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Sekiranya jelas (kegagalan itu) kesalahan saya dan keputusan pucuk pimpinan...kalau Perdana Menteri suruh letak jawatan, saya letak jawatan, tak ada masalah. Tetapi saya tidak akan letak jawatan kerana pembangkang menyuruh saya letak jawatan," katanya kepada pemberita di Lapangan Terbang antarabangsa KL sekembalinya dari Pusan hari ini.

Beliau berkata, pembangkang hanya mencari gimik politik tanpa mengkaji dengan mendalam apa yang telah dibentangkan oleh Kuala Lumpur untuk mendapatkan hak penganjuran itu.

Kuala Lumpur tumpas di tangan Doha dalam tawaran menganjurkan Sukan Asia ke-15 itu pada pengundian semasa Perhimpunan Agung Majlis Olimpik Asia (OCA) di Pusan, Korea Selatan, semalam.

Sebanyak 41 negara anggota OCA mengundi.

Doha mendapat 20 undi pada pusingan pertama dan 22 undi majoriti pada pusingan kedua manakala Kuala Lumpur mendapat 13 undi untuk pusingan pertama dan kedua. Dua lagi calon, Hong Kong hanya mendapat enam undi pada kedua-dua pusingan manakala New Delhi tersingkir pada pusingan pertama setelah hanya mendapat dua undi.

Hishammuddin, yang juga Pengerusi Bersama Jawatankuasa Penawaran Kuala Lumpur Sukan Asia 2006, berkata jawatankuasa itu telah membuat persiapan dan persembahan terbaik tetapi keputusan tidak menyebelahi Kuala Lumpur.

"Carilah hujah lain untuk mencari kelemahan. Kalau mereka nak jadi pembangkang yang betul-betul bermanfaat dan pembangkang yang boleh membantu membangunkan negara, jangan cari gimik politik sementara tapi kaji apa yang kita bentang dan telah lakukan," katanya.

Ketua Penerangan Pemuda Parti Keadilan Nasional Muhammad Zahid Arip dalam satu kenyataan di sini hari ini meminta Hishammuddin bertanggungjawab sepenuhnya terhadap kegagalan itu setelah mengeluarkan berjuta-juta ringgit untuk tujuan melobi.

Beliau mencabar Hishammuddin meletak jawatan sebagai Menteri Belia dan Sukan.

-- BERNAMA

HRS AR MAI